

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Pusat Ko-Kurikulum
Sent: Monday, November 26, 2018 3:28 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Prof. Madya Dr. Hussin Bin Abdullah
Subject: PEMENTASAN TEATER LITMUS & TAPAU MENGHIBURKAN



Pusat Kokurikulum
CO-CURRICULUM CENTRE

Universiti Utara Malaysia

26 NOVEMBER 2018 / 18 RABIUL AWWAL 1440H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

PEMENTASAN TEATER LITMUS & TAPAU MENGHIBURKAN



PKOK Online: Pementasan teater “ **2 Karya 2 Pengarah** ” bertajuk Litmus & Tapau yang berlangsung pada 21 November 2018 di Dewan Budi Siswa, Pusat Budaya dan Seni telah berjaya menghiburkan penonton yang hadir pada malam tersebut. Kehadiran penonton lebih kurang seramai 200 orang telah memenuhi dewan tersebut.

Pementasan kedua-dua teater dipersembahkan oleh pelajar-pelajar **Unit Seni Lakon III, Pusat Kokurikulum UUM**. Tujuan pementasan tersebut untuk memenuhi tugas kerja khusus dan memperlihatkan kebolehan pelajar-pelajar dalam menjayakan pementasan tersebut. Teater tersebut dikendalikan sepenuhnya oleh pelajar-pelajar unit Seni Lakon Pusat Kokurikulum dengan bimbingan **Encik Saiful Amir Kidam, Jurulatih Unit Seni Lakon**.

Menurut Encik Saiful Amir Kidam, beliau berpuashati dengan persembahan kedua-dua teater tersebut walaupun banyak halangan dan rintangan yang dihadapi oleh kedua-dua produksi tetapi dengan semangat berpasukan, pementasan tersebut berjaya dilakukan. Beliau juga berterima kasih kepada penonton yang hadir.

Selain dari pementasan teater, penonton juga dihiburkan dengan persembahan nyanyian dan muzik oleh pelajar **Unit Seni Muzik di bawah kendalian Encik Mohd Rizal Ramle** yang merupakan jurulatih Unit tersebut.

Pengarah Pusat Kokurikulum, Prof. Madya Dr. Hussin Abdullah dan wakil Pusat Budaya dan Seni, Encik Baharizan Zainol turut sama menyaksikan persembahan teater tersebut.

Habis.

=====

DARIPADA :

PUSAT KOKURIKULUM
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
06010 UUM SINTOK
KEDAH DARUL AMAN
TEL : +604-928 3510
FAX : +604-928 3502
<http://www.kokuum.uum.edu.my>



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.